



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 9 TAHUN 1997

IMBUHAN TAHUNAN 1997 BAGI PEGAWAI SEKTOR AWAM

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk -
 - 1.1 memaklumkan keputusan Kerajaan memberi Imbuan Tahunan kepada pegawai sektor awam pada tahun 1997; dan
 - 1.2 menetapkan kaedah pelaksanaannya.

LATAR BELAKANG.

2. Kerajaan telah membuat keputusan supaya Imbuan Tahunan bagi tahun 1997 dibayar kepada anggota dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan.

3. Imbuhan Tahunan 1997 dibayar secara penuh mengikut kadar satu bulan gaji tertakluk kepada had minimum RM700.00 atau secara *proportionate*.

Bayaran ini akan dibuat dalam dua ansuran iaitu sebanyak RM500.00 untuk ansuran pertama pada bulan Disember 1997 dan bakinya pada bulan April 1998.

PELAKSANAAN

Pegawai Yang Layak

4. Pegawai sektor awam yang berkhidmat dalam tahun 1997 yang mana majikan mereka adalah Kerajaan dan sebahagian atau sepenuhnya peruntukan bagi pembayaran gaji dan elaun datangnya dari peruntukan Kerajaan adalah layak menerima Imbuhan Tahunan. Kategori pegawai yang layak adalah seperti berikut-

- 4.1 pegawai bertaraf tetap (yang memilih Sistem Saraan Baru ataupun yang kekal atas syarat-syarat perkhidmatan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976), pegawai sementara, sambilan, kontrak (termasuk pegawai bagi projek khas Kerajaan), sangkut dan guru sandaran;
- 4.2 pegawai yang bersara wajib atau bersara pilihan sendiri sama ada memilih skim pencen atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP);
- 4.3 pegawai yang meninggal dunia (Imbuhan Tahunan dibayar kepada waris yang sah);

4.4 pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib seperti berikut -

- (i) amaran untuk pegawai awam;
- (ii) amaran atau amaran keras untuk anggota Angkatan Tentera Malaysia; dan
- (iii) amaran untuk Pegawai Kanan Polis, Polis DiRaja Malaysia dan celaan atau celaan keras untuk Pegawai Rendah Polis dan Konstabel serta Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Tambahan.

4.5 pegawai kontrak yang putus perkhidmatannya selama satu hari sebelum disambung semula perkhidmatan kontraknya;

4.6 pegawai yang cuti bergaji penuh atau separuh gaji; dan

4.7 pegawai yang meletakkan jawatan pada atau sebelum tarikh Pekeliling ini dikeluarkan.

Pegawai Yang Tidak Layak

5. Pegawai sektor awam yang berkhidmat dalam tahun 1997 tetapi tidak layak menerima Imbuhan Tahunan ini adalah seperti berikut -

5.1 pegawai yang mengambil cuti tanpa gaji di sepanjang tahun 1997;

5.2 pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman-

hukuman yang dinyatakan di perenggan 4.4(i), (ii) dan (iii);

- 5.3 pegawai yang mana majikan mereka adalah bukan Kerajaan dan gaji/elaun tidak dibayar dari peruntukan Kerajaan seperti yang berkhidmat/dipinjamkan dengan agensi-agensi antarabangsa/swasta di sepanjang tahun 1997;
- 5.4 pegawai yang bersara sebelum tahun 1997;
- 5.5 pegawai yang berada atas Gred Jawatan Utama dan Gred Khas sama ada secara hakiki, memangku atau dipinjamkan dan pegawai kontrak yang bergaji lebih daripada RM4,980 yang dianggap setaraf dengan Gred Jawatan Utama atau Gred Khas; dan
- 5.6 pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam atau dibersarakan atas kepentingan perkhidmatan awam dalam tahun 1997.

Pegawai Yang Ditangguhkan Pemberian Imbuhan Tahunan

6. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib **ditangguhkan** pemberian Imbuhan Tahunannya. Pegawai hanya layak dibayar Imbuhan Tahunan sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah atau pegawai hanya dikenakan hukuman tatatertib seperti yang dinyatakan di perenggan 4.4(i), (ii) dan (iii).

Perkiraan Imbuhan Tahunan

7. Imbuhan Tahunan adalah dikira berdasarkan gaji pegawai termasuk elaun memangku pada bulan Oktober 1997. Pegawai yang tidak genap 12 bulan perkhidmatan dalam tahun 1997, bayaran Imbuhan Tahunan adalah dikira secara *proportionate* berdasarkan gaji akhir yang diterima.

8. Imbuhan Tahunan dibayar mengikut genap satu bulan perkhidmatan seperti berikut -

8.1 bayaran penuh sebanyak satu bulan gaji tertakluk kepada had minimum RM700.00 dengan syarat genap 12 bulan perkhidmatan dalam tahun 1997; dan

8.2 bayaran secara *proportionate* jika tidak genap 12 bulan perkhidmatan dalam tahun 1997. Perkiraan Imbuhan Tahunan adalah mengikut formula seperti berikut -

$$(i) \quad \frac{\text{Jumlah Genap Bulan Perkhidmatan}}{\text{-----}} \quad \times \quad \text{Gaji*/Elaun**Sebulan}$$

12 bulan

* tidak termasuk elaun dan Imbuhan Tetap seperti Imbuhan Tetap Keraian, Imbuhan Tetap Perumahan, Imbuhan Tetap Khidmat Awam dan lain-lain.

** elaun bulanan yang dianggap sebagai gaji bulanan pegawai tetapi tidak termasuk elaun dan Imbuan Tetap seperti di atas.

atau

(ii) Pegawai yang bergaji RM700.00 dan kurang -

$$\frac{\text{Jumlah Genap Bulan Perkhidmatan}}{\text{-----}} \times \text{RM700.00}$$

12 bulan

9. Bayaran secara *proportionate* adalah dibuat dalam keadaan dimana pegawai tidak berkhidmat sepenuhnya di sepanjang tahun 1997. Contohnya adalah seperti berikut -

9.1 pegawai yang bercuti tanpa gaji bagi sesuatu tempoh dalam tahun 1997;

9.2 pegawai yang bertugas di agensi Kerajaan sebelum keadaan-keadaan berikut -

(i) agensi tersebut diswastakan;

(ii) agensi tersebut diasingkan saraannya;

(iii) pegawai dipinjamkan untuk berkhidmat di syarikat swasta atau badan swasta; dan

(iv) pegawai yang dipinjamkan kepada badan antarabangsa seperti APDC, UNESCO dan lain-lain.

9.3 pegawai yang tidak hadir kerja dimana gaji tidak dibayar bagi tempoh

tidak hadir bekerja tersebut (mengikut [Perintah Am 14A, Bab C](#)).

10. Pegawai tetap yang bersara atau yang meninggal dunia dalam tahun 1997, dibayar Imbuan Tahunan secara *proportionate* mengikut genap satu bulan perkhidmatan berasaskan kepada gaji akhir yang diterima.

11. Pegawai yang bersara dalam tahun 1997 dan dilantik semula sebagai pegawai sementara atau pegawai kontrak, dibayar Imbuan Tahunan secara *proportionate* berasaskan kepada gaji akhir yang diterima sebelum bersara, dan gaji atas jawatan sementara atau kontrak.

12. Pegawai yang dipinjamkan atau ditukar sementara ke mana-mana agensi sektor awam, dibayar Imbuan Tahunan berasaskan kepada gaji pokok dalam jawatan pinjaman/tukar sementara tersebut.

13. Bagi pegawai sambilan, perkiraan genap satu bulan perkhidmatan adalah dengan syarat mereka bekerja tidak kurang daripada 21 hari dalam sebulan kecuali 19 hari dalam bulan Februari 1997.

14. Pegawai yang dinaikkan pangkat atau bertukar skim perkhidmatan pada pertengahan bulan, perkiraan Imbuan Tahunan bagi bulan itu dan tempoh sebelumnya hendaklah dibuat secara *proportionate* berasaskan gaji jawatan lama. Bagi tempoh selepas bulan berkenaan perkiraan hendaklah dibuat secara *proportionate* berasaskan gaji jawatan baru.

15. Bayaran Imbuhan Tahunan kepada guru kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) ditetapkan pada kadar tetap sebanyak RM175.00 bagi mereka yang genap 12 bulan perkhidmatan. Bayaran Imbuhan Tahunan bagi pegawai yang tidak genap perkhidmatan dalam tahun 1997, adalah dikira secara *proportionate*.
16. Contoh perkiraan Imbuhan Tahunan adalah seperti di [Lampiran A](#).

JABATAN YANG MEMBAYAR IMBUHAN TAHUNAN

17. Pembayaran **keseluruhan** Imbuhan Tahunan adalah menjadi tanggungan Jabatan/Agensi yang baru di mana pegawai ditempatkan.

PEMAKAIAN

18. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa berkaitan, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'



(TAN SRI DR. MAZLAN BIN AHMAD)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
KUALA LUMPUR

29 Oktober 1997

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

CONTOH PERKIRAAN IMBUHAN TAHUNAN

1. Pegawai Yang Dilantik Dalam Tahun 1997

1.1 Pegawai yang dilantik pada 1 Julai 1997, bayaran Imbuan Tahunan adalah dikira mengikut **tempoh 6 bulan perkhidmatannya** pada tahun 1997 seperti berikut -

(i) $6/12 \times$ Gaji Pokok; atau

(ii) $6/12 \times$ RM700.00 - bagi pegawai yang bergaji RM700.00 ke bawah

(Imbuan Tahunan yang pegawai layak adalah tidak tertakluk kepada had minimum RM700.00).

1.2 Pegawai yang dilantik pada 16 September 1997, bayaran Imbuan Tahunan adalah dikira mengikut **tempoh 3 bulan genap perkhidmatannya** pada tahun 1997 seperti berikut -

(i) $3/12 \times$ gaji pokok; atau

(ii) $3/12 \times$ RM700.00 - bagi pegawai yang bergaji RM700.00 ke bawah

(Imbuan Tahunan yang pegawai layak adalah tidak tertakluk kepada had minimum RM700.00).

2. Pegawai Yang Bercuti Tanpa Gaji

2.1 Pegawai yang bercuti tanpa gaji di sepanjang tahun 1997 **tidak layak** diberi Imbuan Tahunan.

2.2 Pegawai yang bercuti tanpa gaji pada mana-mana tempoh dalam tahun 1997, bayaran Imbuan Tahunan adalah dikira secara *proportionate* berasaskan **genap satu bulan perkhidmatan**. Imbuan Tahunan yang pegawai layak adalah tidak tertakluk kepada had minimum RM700.00.

Perkiraan adalah seperti berikut -

(i) Jika pegawai bercuti tanpa gaji pada bulan Januari sehingga 15 Mac 1997, perkiraan Imbuan Tahunan adalah $9/12 \times$ gaji pokok atau $9/12 \times$ RM700.00 bagi pegawai yang bergaji RM700.00 dan ke bawah adalah seperti berikut -

(a) Jika gaji RM1,000.00 : $9/12 \times$ RM1000.00 = RM750.00.

Imbuan Tahunan yang pegawai layak ialah RM750.00.

(b) Jika gaji RM800.00 : $9/12 \times$ RM800.00 = RM600.00

Imbuan Tahunan yang pegawai layak ialah RM600.00

(c) Jika gaji RM690.00 : $9/12 \times$ RM700.00 = RM525.00

Imbuan Tahunan yang pegawai layak ialah RM525.00.

3. Pegawai Yang Cuti Berkursus

3.1 Pegawai yang cuti berkursus bergaji penuh melebihi 6 bulan dalam tahun 1997, diberi pergerakan gaji secara isyarat. Perkiraan Imbuan Tahunan adalah seperti berikut -

- (i) jika gaji pegawai semasa berkursus adalah RM1,400.00 dan apabila berlaku pergerakan gaji, pegawai sepatutnya menerima RM1,465.00. Bagaimanapun pegawai hanya menerima RM1,400.00 sahaja kerana pergerakan gajinya diberi secara isyarat. Imbuan Tahunan yang pegawai layak ialah RM1,400.00; atau
- (ii) jika gaji pegawai semasa berkursus adalah RM695.00 dan apabila berlaku pergerakan gaji, pegawai sepatutnya menerima RM720.00. Bagaimanapun pegawai hanya menerima RM695.00 sahaja kerana pergerakan gajinya diberi secara isyarat. Imbuan Tahunan yang pegawai layak ialah sebanyak RM700.00.

Contohnya -

	(Gaji Isyarat)	Gaji Semasa Berkursus (Oktober 1997)	Imbuan Tahunan
	(RM)	(RM)	(RM)
	(1465)	1400	1400
	(720)	695	700

4. Pegawai Yang Bercuti Separuh Gaji

4.1 Bagi pegawai yang bercuti separuh gaji, bayaran Imbuhan Tahunan adalah dikira secara *proportionate*. Di bawah perenggan 77 [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991](#), pegawai yang bercuti

separuh gaji melebihi 180 hari dalam satu tahun kalender adalah tidak layak mendapat pergerakan gaji tahunan. Contoh-contoh adalah seperti berikut -

(i) jika pegawai bercuti separuh gaji mulai 1 Oktober 1997 perkiraan Imbuhan Tahunan bagi gaji pegawai sebanyak RM1,000.00 adalah seperti berikut -

(a) Januari hingga September dikira di atas gaji RM1,000.00.

$$9/12 \times \text{RM}1,000.00 = \text{RM}750.00$$

Oktober hingga Disember dikira di atas separuh gaji tertakluk kepada
(b) **had minimum** RM700.00.

$$3/12 \times \text{RM}700.00 = \text{RM}175.00$$

Imbuhan Tahunan yang pegawai layak ialah RM925.00

$$(\text{RM}750.00 + \text{RM}175.00).$$

(ii) jika pegawai bercuti separuh gaji dalam sesuatu bulan, Imbuhan Tahunan adalah dikira atas separuh gaji bagi bulan tersebut . Jika pegawai bercuti

separuh gaji selama 6 hari pada bulan Julai, 10 hari pada bulan Ogos dan 5 hari pada bulan September, perkiraan Imbuan Tahunan bagi gaji pegawai sebanyak RM720.00 adalah seperti berikut -

$$9/12 \times \text{RM}720.00 = \text{RM}540.00$$

$$3/12 \times \text{RM}700.00 = \text{RM}175.00$$

Imbuan Tahunan yang pegawai layak adalah RM715.00.

(RM540.00 + RM175.00)

5. **Pegawai Kontrak Yang Putus Perkhidmatan Melebihi Satu (1) Hari Sebelum Disambung Semula Kontraknya**

5.1 Pegawai kontrak yang terputus perkhidmatan melebihi satu hari dalam sesuatu bulan sebelum disambung semula kontraknya adalah **tidak layak** diberi Imbuan Tahunan bagi **bulan yang terputus** kontraknya itu.

6. **Pegawai Yang Dikenakan Hukuman Tatatertib**

6.1 Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman-hukuman yang dinyatakan di perenggan 4.4 Pekeliling ini **tidak layak** dibayar Imbuan Tahunan. Contoh-contoh adalah seperti berikut -

- (i) jika hukuman tatatertib tersebut jatuh pada tahun 1997 walaupun kesalahan dilakukan sebelum tahun 1997, pegawai tidak layak dibayar Imbuan Tahunan 1997. Sekiranya pegawai telah dibayar

Imbuhan Tahunan 1997 dan pada bulan Disember 1997 dikenakan hukuman tatatertib, Imbuhan Tahunan yang telah dibayar hendaklah dikutip balik.

(ii) pegawai yang ditangguhkan pembayaran Imbuhan Tahunan.

Contohnya -

- (a) jika pegawai ditangguhkan bayaran Imbuhan Tahunannya pada tahun 1996 dan kemudiannya dalam tahun 1997 pegawai dikenakan hukuman amaran sahaja maka pegawai layak dibayar Imbuhan Tahunan pada tahun 1996 dan 1997.
- (b) jika pegawai ditangguhkan bayaran Imbuhan Tahunan pada tahun 1996 dan dalam tahun 1997 pegawai dikenakan hukuman denda maka pegawai tidak layak dibayar Imbuhan Tahunan pada tahun 1997 tetapi layak dibayar Imbuhan Tahunan bagi tahun 1996.

7. Pegawai Sambilan

7.1 Bagi pegawai sambilan, perkiraan genap satu bulan perkhidmatan adalah dengan syarat pegawai bekerja tidak kurang dari **21 hari** dalam sebulan kecuali **19 hari** dalam bulan Februari. Contoh perkiraan adalah seperti berikut -

- (i) pegawai dibayar gaji RM40.00 sehari dan bekerja mengikut tempoh seperti berikut selama 3 bulan dan gaji purata **melebihi RM700.00**.

$$\begin{array}{l} \text{Bulan Januari:} \\ 24 \text{ hari x} \\ \text{RM40.00} \end{array} = \text{RM960.00}$$

$$\begin{array}{l} \text{Bulan Februari:} \\ 19 \text{ hari x} \\ \text{RM40.00} \end{array} = \text{RM760.00}$$

$$\begin{array}{l} \text{Bulan Mac:} \\ 21 \text{ hari x} \\ \text{RM40.00} \end{array} = \text{RM840.00}$$

$$\begin{array}{l} \text{Jumlah untuk 3} \\ \text{bulan} \end{array} = \text{RM2560.00}$$

$$\begin{array}{l} \text{Gaji purata} \\ \text{sebulan} \end{array} = \text{RM2560.00} \div 3 = \text{RM853.30}$$

Pegawai layak Imbuan Tahunan sebanyak RM213.30

$$(3/12 \times \text{RM853.00}).$$

- (ii) pegawai dibayar gaji RM30.00 sehari dan dan perkiraan gaji purata sebulan adalah **kurang daripada RM700.00**.

$$\begin{array}{l} \text{Bulan Januari:} \\ 21 \text{ hari x} \\ \text{RM30.00} \end{array} = \text{RM630.00}$$

$$\begin{array}{l} \text{Bulan Februari:} \\ 19 \text{ hari x} \end{array} = \text{RM570.00}$$

$$\begin{array}{rcl} & & \text{RM30.00} \\ \text{Bulan Mac:} & 23 \text{ hari x} & \\ & \text{RM30.00} & = \text{RM690.00} \end{array}$$

$$\begin{array}{rcl} \text{Jumlah untuk 3} & & \\ \text{bulan} & = & \text{RM1890.00} \end{array}$$

$$\begin{array}{rcl} \text{Gaji purata} & & \\ \text{sebulan} & = & \text{RM1890.00} \div 3 = \text{RM630.00} \end{array}$$

Pegawai layak Imbuhan Tahunan sebanyak RM157.50

$$(3/12 \times \text{RM630.00}).$$

8. Guru KAFA

8.1 Bagi guru KAFA* yang dilantik pada 1 Mac 1997, bayaran Imbuhan

Tahunan adalah seperti berikut -

$$10 / 12 \times \text{RM175.00} = \text{RM145.80}$$

Pegawai layak Imbuhan Tahunan sebanyak RM145.80

* (Guru-guru yang tidak mempunyai jawatan tetap dan guru berpencen yang mengajar di kelas KAFA).